



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

**TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**

**MENTERI**

**PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT MERANGKAP  
PENGERUSI YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA**

**SEMPENA**

**ANJUNG DINAMIK- HAB SOSIAL YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA BERSAMA  
RAKAN STRATEGIK**

**LOKASI/ TARIKH/ MASA**

**ANJUNG DINAMIK, DENGKIL, SELANGOR  
4 MEI 2026 (ISNIN) 12 TENGAH HARI**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.**

**Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI**

**SALUTASI**

**(Disediakan)**

## Pemula Kata

- 1) Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama hari ini di **Pembukaan Pengoperasian Anjung Dinamik, Hab Sosial Yayasan Kebajikan Negara**. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yayasan Kebajikan Negara serta semua pihak yang telah menjayakan usaha murni ini.

## **Aspirasi Anjung Dinamik**

Hadirin yang saya hormati sekalian,

- 2) Anjung Dinamik direka sebagai sebuah hab sosial bersepadu yang membawa pendekatan baharu dalam kebajikan masyarakat — daripada bantuan bersifat sementara kepada pemerkasaan yang mampan dan berdaya tahan.

3) Hab ini menghimpunkan latihan kemahiran, sokongan psikososial serta peluang penjana pendapatan dalam satu ekosistem yang holistik dan inklusif, khususnya kepada golongan rentan yang memerlukan peluang kedua untuk bangkit dan membina kehidupan yang lebih baik

## **Berteraskan Nilai KASIH**

- 4) Setiap sudut Anjung Dinamik mencerminkan Nilai KASIH KPWKM — Kasih Sayang, Akhlak Mulia, Sehat, Ilmu dan Harmoni. Daripada “Kafe Ngopi dan Cerita” yang membuka ruang perbualan, studio podcast, Galeri Mekar Dinamik hinggalah Bilik Kaunseling Mindness Kasih PSSS dan Penginapan Anjung Sinar — setiap ruang direka untuk memulihkan keyakinan dan mengangkat martabat insan.

## **4. Isu Semasa & Tanggungjawab Bersama**

Puan-puan dan tuan-tuan,

- 5) Dalam kita meraikan usaha ini, kita juga perlu sedar bahawa masih terdapat pelbagai isu semasa yang memerlukan perhatian berterusan semua pihak.

6) Antaranya ialah isu keganasan rumah tangga yang memberi kesan mendalam kepada institusi keluarga dan kesejahteraan masyarakat. Mangsa memerlukan bukan sahaja perlindungan, tetapi juga sokongan emosi, bimbingan serta peluang untuk membina semula kehidupan. Di sinilah peranan KPWKM melalui inisiatif seperti Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) dan Anjung Singgah YKN menjadi sangat penting sebagai ruang perlindungan dan pemulihan.



7) Pada masa yang sama, negara turut berhadapan dengan cabaran global termasuk krisis tenaga, yang menuntut kita semua untuk mengamalkan penjimatan dan pengurusan sumber secara berhemah. Walaupun berdepan kekangan, komitmen kita untuk menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat tidak harus terjejas.

## **Seruan Kepada Warga KPWKM & Agensi**

- 8) Saya menyeru seluruh warga KPWKM dan agensi di bawahnya agar terus teguh dalam melaksanakan amanah ini. Cabaran akan sentiasa ada, tetapi tujuan kita jelas — menyentuh kehidupan rakyat dan membawa perubahan yang nyata. Jadikan Nilai KASIH bukan sekadar slogan, tetapi amalan harian.

9) Kepada semua yang akan memanfaatkan Anjung Dinamik ini — saya ingin anda tahu bahawa anda tidak bersendirian. Tempat ini dibina untuk anda. Gunakanlah sepenuhnya sebagai tapak untuk membina kekuatan, memperoleh kemahiran dan membuka lembaran baru.

10) Saya yakin bahawa Anjung Dinamik akan terus berkembang sebagai sebuah ekosistem sokongan yang inklusif dan berdaya tahan bukan sahaja membantu mereka yang memerlukan, membuka peluang kedua, malah melahirkan individu yang mampu berdikari dan menyumbang kembali kepada masyarakat.

11) Saya juga ingin menyeru agar lebih ramai rakan strategik tampil berganding bahu bersama Kementerian dalam memperkasa kebajikan kumpulan sasaran serta membangunkan masyarakat.

## **6. Penutup**

Hadirin yang dihormati sekalian,

12) Saya mendoakan agar Anjung Dinamik ini terus mekar sebagai medan harapan, menyemai kekuatan, memulihkan keyakinan dan menerangi jalan kehidupan mereka yang memerlukan.

Sekian, Wabillahi taufik wal hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri**  
**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**  
**4 Mei 2026**